

16 FEB 1999

Tahun Baru Cina (Rangkuman)

KAUM CINA RAYAKAN KEDATANGAN TAHUN ARNAB DENGAN KEYAKINAN

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Kaum Cina menyambut Tahun Baru Cina hari ini dengan keyakinan bahawa "tahun arnab" ini akan membawa lebih banyak tuah kepada negara, khususnya terhadap usaha menariknya keluar dari kemelut ekonomi.

Rumah-rumah terbuka diadakan untuk para tetamu daripada pelbagai kaum, sekaligus menunjukkan bahawa kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan 1997 kini hanya tinggal bahangnya sahaja.

Di ibu negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood mengunjungi rumah terbuka yang diadakan Parti MCA dan Gerakan.

Ketibaan mereka di Dewan Lee San Choon, Wisma MCA, Jalan Ampang di sini pada kira-kira pukul 10 pagi disambut oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan isteri Datin Seri Ena Ling.

Di samping tarian singa, persembahan kebudayaan Cina yang diselang selikan dengan lagu-lagu Melayu turut diadakan.

Selepas itu, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah, Abdullah dan Endon mengunjungi rumah terbuka Parti Gerakan di Wisma PGRM di Cheras.

Mereka juga turut menghadiri majlis makan tengah hari yang diadakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding di sebuah hotel di sini.

Begitu juga di bandar-bandar lain di seluruh negara, sekalipun sikap bersederhana rakyat dalam berbelanja akibat kegawatan ekonomi, Tahun Arnab dirayakan dengan penuh keceriaan.

Di SEREMBAN, MCA sebagai parti terbesar mewakili orang Cina menerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri menjadi tuan rumah kepada 3,000 tetamu berbilang kaum pada majlis rumah terbuka di ruang legar Dewan Majlis Perbandaran Seremban.

Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin dan lain-lain pemimpin Barisan Nasional (BN) turut hadir.

Mohd Isa ketika berucap pada majlis itu menggesa rakyat terus menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan memelihara perpaduan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

"Sokongan padu hendaklah diberikan kepada Dr Mahathir untuk terus memimpin negara ini dan usaha beliau memulihkan ekonomi Malaysia dan seterusnya mencapai status negara maju," katanya.

Di KUCHING, perayaan tidak kurang meriahnya apabila lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka anjuran SUPP sejak awal pagi lagi menyebabkan kesesakan lalulintas di jalan-jalan tertentu di sini.

Turut mengadakan kunjungan ialah Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce serta Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud di rumah terbuka Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) di Dewan Masyarakat Padungan.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr George Chan yang juga Pengerusi SUPP mengadakan rumah terbuka di Dewan Suarrah Miri.

Di KOTA BAHARU, sambutan juga meriah walaupun sederhana, diwarnai rumah majlis terbuka pagi ini yang dihadiri kaum keluarga dan sahabat handai diikuti dengan majlis kunjungan ke rumah-rumah ibadat selepas itu.

Anggota Dewan Undangan Negeri Kota Lama, Leong Su Siang mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Jalan Sri Cemerlang di sini bermula pukul 10 pagi hingga 3 petang.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan

Hal Ehwal Pengguna negeri Wong Foon Meng mengadakan rumah terbuka di Dewan Tunku Abdul Rahman di sini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan pegawai-pegawai kerajaan adalah antara kira-kira 2,000 tetamu yang menghadiri majlis itu.

Di KANGAR, anggota Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan Negeri, Khor Liang Tee yang juga wakil rakyat kawasan Indera Kayangan dan Pengerusi MCA Perhubungan Negeri serta wakil rakyat kawasan Titi Tinggi, Loh Yoon Foo, mengadakan rumah terbuka di rumah masing-masing.

Antara rakyat berbilang kaum yang hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan isterinya Datin Seri Shamsiah Mohd. Yassin.

Di ALOR SETAR, kemeriahan Tahun Baru Cina turut sama dirasakan oleh semua kaum dengan mengunjungi kenalan masing-masing.

MCA Kedah mengadakan rumah terbuka di dewan Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian) Sabtu ini sementara parti Gerakan juga akan mengadakan rumah terbuka pada hari yang sama di dewan Kang Har Tong.

Pengerusi MCA Kedah yang juga Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dijangka menghadiri rumah terbuka parti masing-masing.

Sementara itu di IPOH, tanda-tanda pemulihan ekonomi mulai kelihatan apabila kebanyakan peniaga yang menjual pohon limau hiasan dan pelbagai jenis bunga berpuas hati dengan jualan tahun ini yang disifatkan lebih memberangsangkan berbanding tahun lepas.

Rakyat berketurunan Cina juga tidak lupa membeli limau bali atau lebih dikenali sebagai limau Tambun di sini walaupun harganya di musim perayaan ini melambung sehingga RM16 sebiju berbanding sekitar RM5 sebelum ini.

Bagaimanapun, harga limau mandarin agak murah tahun ini apabila kebanyakan pasar raya menawarkan harga istimewa serendah RM18 setiap peti berbanding RM25 satu peti pada tahun-tahun sebelum ini.

Esok, Menteri Perusahaan Utama yang juga Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengadakan rumah terbukanya di Pantai Remis manakala Dewan Perniagaan Cina Perak akan mengadakan rumah terbukanya di Jalan Tun Sambathan di sini.

Sementara itu di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang terdiri daripada pelbagai kaum mengunjungi majlis rumah terbuka Ketua Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon di Rumah Tetamu, Jalan Macalister pagi ini hingga 1 petang.

Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir adalah antara tetamu yang hadir pada majlis itu. Yang turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar serta para anggota Exco kerajaan negeri.

Hamdan dan para pemimpin negeri kemudian menghadiri rumah terbuka Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Dr Teng Hock Nan di Jalan Park, di sini.

Di MELAKA, majlis rumah terbuka Pengerusi MCA negeri Datuk Gan Boon Leong di rumahnya di Jalan Kub menjadi tumpuan lebih 3,000 orang pengunjung pelbagai kaum sejak awal pagi.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin bersama isteri masing-masing adalah antara pengunjung yang memeriahkan majlis itu.

-- BERNAMA

MOZ RON